

Headline **Aktiviti menarik Hari Perhutanan Sedunia**  
Date **17. Mar 2009** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **26**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **94** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Black/White**  
AdValue **1230.97**



## Aktiviti menarik Hari Perhutanan Sedunia

**KUALA LUMPUR 16 Mac.** – Orang ramai berpeluang menyertai pelbagai aktiviti dan memenangi hadiah menarik pada sambutan Hari Perhutanan Sedunia anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 21 Mac ini.

FRIM dalam kenyataannya di sini hari ini memberitahu, sambutan yang bertemakan 'Forest is Fun' itu diadakan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan hutan dan alam semulajadi.

"Pemuliharaan hutan dan alam semulajadi ini penting untuk kesejahteraan hidup.

"Selain itu, sambutan ini juga dapat menyemarakkan rasa cinta kepada persekitaran hutan dan alam semulajadi," kata kenyataan itu.

Antara aktiviti menarik yang akan diadakan termasuk Larian Rimba, 'Seaventure', dan 'Kiddie Fun Art'.

"Aktiviti 'Green Cycle' turut diadakan bersempena dengan pelancaran denai basikal bukit yang baru," kata kenyataan itu.

Kanak-kanak dari Persatuan Sindrom Down akan turut serta memeriahkan sambutan tersebut.

Program tersebut dijadual dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zaal Azha Yusof.

Orang ramai boleh menghubungi Sharin atau Faizal di talian 03-62797525/ 7526 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan atau melayari [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my).